



Kumpulan  
Inovatif & Kreatif



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**hitech**  
Information Technology Office

# Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Zon Tengah 2014

29 - 30 September 2014  
Anjung Sri Budiman (Dewan Annexe),  
UiTM Shah Alam

Anjuran:  
Pejabat Teknologi Maklumat,  
Universiti Teknologi MARA



# Kandungan

|   |    |
|---|----|
| • Kata-Kata Aluan   |    |
| Sekapur Sirih (Penaung)                                     | 1  |
| Prof. Ir Dr Hj Abdul Rahman Omar                            |    |
| Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)             |    |
| Seulas Pinang (Penasihat)                                   | 2  |
| Prof. Dr Hj Hazman Shah Vijayan Abdullah                    |    |
| Penolong Naib Canselor (InQKA)                              |    |
| Setinta Kata (Pengerusi)                                    | 3  |
| Prof. Madya Mohd Zaki Abdullah                              |    |
| Pengarah  |    |
| Pejabat Teknologi Maklumat                                  |    |
| • Pengenalan Konvensyen KIK 2014 Peringkat Zon Tengah ..... | 4  |
| • Objektif Konvensyen .....                                 | 5  |
| • Latarbelakang Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK).....      | 6  |
| • Falsafah KIK.....   | 7  |
| • Logo KIK .....  | 8  |
| • Faedah KIK .....  | 9  |
| • Kategori Hadiah .....                                     | 10 |
| • Kriteria Penilaian .....                                  | 11 |
| • Senarai Panel Penilai .....                               | 12 |
| • Aturcara Program .....                                    | 13 |
| • Aktiviti .....  | 16 |
| • Senarai Kumpulan .....                                    | 17 |
| • Pemenang Konvensyen KIK Zon Tengah 2014 .....             | 19 |
| • Medium Hebahan .....                                      | 20 |
| • Jawatankuasa Pelaksana .....                              | 21 |
| • Penghargaan .....   | 22 |

# Sekapur Sirih

## Penaung

**Prof. Ir Dr Hj Abdul Rahman Omar**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dengan izin-Nya, kita bertemu lagi dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) UiTM, Peringkat Zon Tengah 2014. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi terakhir Rosullillah S.A.W, para keluarganya, sahabat-sahabatnya dan pengikut-pengikutnya. Mudah-mudahan kita semua mendapat syafaatnya di akhirat.

Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon Tengah adalah merupakan sebahagian dari aktiviti mengimarahkan pembudayaan kualiti di UiTM. Melalui KIK, organisasi-organisasi di UiTM dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dengan cara yang sangat kreatif dan berinovasi. Ia dapat memberikan implikasi yang baik kepada UiTM dan memberikan impak kepada masyarakat.

Aktiviti KIK ini perlu dilaksanakan di seluruh peringkat organisasi di UiTM. Ini akan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan UiTM dalam melaksanakan amanah kepada warganya, masyarakat dan mencapai hasrat mengubah destini anak bangsa.

Akhir kata saya menyeru kepada semua ketua Jabatan mengambil serius tentang pelaksanaan KIK dan menjadikan ia suatu budaya kerja di jabatan masing-masing. Hasil pelaksanaannya seterusnya dapat dikongsi pada konvensyen KIK yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih & wassalam.

**PENAUNG**

Jawatankuasa Pelaksana Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014

# Seulas Pinang

## Penasihat



**Prof. Dr. Hj. Hazman Shah Vijayan Abdullah**  
Penolong Naib Canselor (InQKA)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.  
Selawat dan salam ke atas rasul junjungan, Muhammad Rosulullah, SAW.

Syukur Alhamdulillah, dengan keizinan-Nya, UiTM dapat menganjurkan Konvensyen KIK peringkat Zon Tengah yang dikelola oleh Pejabat Teknologi Maklumat dengan kerjasama InQKA. Bertemakan "Inovasi Pemangkin Kesejahteraan Ummah" adalah diambil bersempena nama dan sifat Allah iaitu Al-Musowwir (Mereka bentuk) dan Al-Khaliq (Mencipta). Maka kita hambanya selaku khalifah di bumi ini perlulah mempunyai sifat ingin mereka cipta untuk melaksanakan amanah yang diberikan dengan menambahbaik dan memakmurkan bumi Allah ini dengan hasil ciptaan yang kreatif dan inovatif.

Budaya kualiti merupakan satu teras dan penanda aras yang amat penting dalam amalan di UiTM. Oleh itu, dengan adanya program KIK seperti ini skop pembudayaan yang berkualiti akan lebih terserlah di setiap organisasi secara menyeluruh khususnya di UiTM. Inisiatif ini bersesuaian dengan Amanat Tahun Baru Naib Canselor yang memfokuskan warga UiTM dalam membentuk dan melahirkan bangsa yang inovatif dan kreatif boleh dicapai dengan adanya usaha yang bersungguh sungguh, tersusun serta kerjasama yang dipupuk melalui amalan dalam KIK.

Firman Allah dalam Surah Al-Imran ayat 190 bermaksud:

*"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal."*

Marilah kita sama-sama sentiasa berfikir dan merenung kejadian ciptaan Allah untuk diambil manfaat dan digunakan dengan cara yang berhemah.

Sekian, terima kasih & wassalam

**PENASIHAT**

Jawatankuasa Pelaksana Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014

# Setinta Kata

## Pengerusi

**Prof. Madya Mohd Zaki Abdullah**  
Pengarah Pejabat Teknologi Maklumat



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan agung, Nabi Muhammad S.A.W. Nabi yang diutuskan sebagai rahmat sekalian alam. Salam sejahtera kepada semua warga UiTM yang dikasihi, semoga Allah merahmati kita semua.

Buat julung kalinya Pejabat Teknologi Maklumat (PTM) telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014 . Melalui proses pelaksanaan KIK yang tersusun, warga UiTM akan dapat mengenal pasti masalah, punca sebenar dan penyelesaian terbaik dan kreatif. Hasil pemikiran ini telah memberikan UiTM satu impak positif dan peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan di jabatan dan UiTM. Selain itu, dalam menjayakan misi kehidupan, manusia perlu sentiasa berfikir untuk memahami ayat-ayat Allah yang disampaikan melalui lidah rasul-Nya untuk menghasilkan sesuatu idea yang kreatif untuk pembangunan bersama.

Ini bersesuaian dengan tema pengumuman konvensyen kali ini iaitu "Inovasi Pemangkin Kesejahteraan Ummah" yang diambil sempena sifat Allah yang menjadikan sesuatu dengan penuh kebijaksanaan, lemah lembut dan kasih sayang kepada seluruh hambaNya di muka bumi ini.

Marilah kita merenung dan memahami firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 105 yang bermaksud:

*"Dan katakanlah: Berusahalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan orang mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah usahakan."*

Oleh yang demikian, marilah kita sentiasa berusaha dan terus berusaha bagi menambahbaik apa yang sedang kita usahakan dengan menggunakan pendekatan yang diamalkan dalam KIK. Semoga kita semua memperoleh manfaat dari apa yang kita usahakan.

Sekian, terima kasih & wassalam

PENGERUSI

Jawatankuasa Pelaksana Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014

# Konvensyen KIK 2014

## Peringkat Zon Tengah

Buat julung kalinya Pejabat Teknologi Maklumat (PTM) telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014 bertempat di UiTM Shah Alam. Sejalan dengan tema bulan inovasi UiTM 2014 iaitu Islam Peneraju Inovasi & Transformasi, mini konvensyen ini mengambil maksud nama-nama indah yang terdapat pada Asmaul Husna berkait rapat dengan daya akal, kreativiti dan inovasi penciptaan yang mana kita sedia maklum rekacipta adalah sifat dan hak mutlak Maha Pencipta yang menjadikan sesuatu daripada tiada kepada ada maka terhasilnya slogan "Inovasi Pemangkin Kesejahteraan Ummah". Slogan ini menekankan agar setiap inovasi dan rekacipta kreatif yang dihasilkan mampu memberi impak positif kepada masyarakat selain membantu organisasi meningkatkan kualiti mutu perkhidmatan dan haruslah bermatlamatkan kesejahteraan untuk semua pihak.

Siapa yang patut hadir :

- Kumpulan KIK dari semua PTJ di dalam Zon Tengah yang melibatkan Kampus induk UiTM Shah Alam, UiTM Puncak Alam, UiTM Puncak Perdana, UiTM Selayang dan UiTM Sungai Buloh dijemput untuk membentangkan projek KIK mereka;
- Pemerhati; dan
- Individu yang berminat mendapatkan pendedahan mengenai aktiviti dan pencapaian pelaksanaan projek KIK.

Bagi memeriahkan lagi program ini, pihak penganjur ada menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti:

- Cabutan Bertuah dan Kuiz - **LucKIK Draw & KIKuiz**
- Pameran Projek KIK - **KIK Poster Corner**
- **HappyKIKMoment with Instagram**
- **Technology Showcase - Intel KIKSide**

Antara lain yang disediakan oleh pihak penganjur kepada para peserta dan jemputan adalah seperti berikut:

- Kit Konvensyen (Buku Program)
- Sijil Penyertaan (Hanya untuk peserta Kumpulan KIK)
- Cenderamata
- Minum Pagi, Makan Tengahari dan Minum Petang

# Objektif Konvensyen

Objektif utama program ini adalah untuk:

1. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam aktiviti KIK dengan memberi peluang kepada peserta KIK mempersembahkan projek inovasi mereka.
2. Menyediakan platform kepada peserta KIK berkongsi hasil inovasi mereka dengan bertukar idea untuk menghasilkan kaedah penambahbaikan dan penyelesaian masalah dalam membantu meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan universiti.
3. Mengenalpasti kumpulan KIK terbaik mengikut kriteria yang ditetapkan untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat UiTM dan seterusnya.
4. Mewujudkan dan mengeratkan hubungan yang harmoni antara pihak pengurusan dan staf UiTM dari pelbagai jabatan dan bersilang fungsi.



# Latar belakang KIK

Inisiatif KIK bermula pada tahun 80an, di mana kerajaan begitu bersungguh-sungguh untuk merealisasikan kreativiti, reka cipta dan inovasi di tempat kerja. Justeru, kerajaan menyarankan penubuhan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dalam penyelesaian masalah organisasi. KMK bertujuan menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri. Untuk memberi fokus kepada KMK, kerajaan telah menukar namanya kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

KMK telah diamalkan di UiTM sejak 1985 dan membuktikan kemampuannya untuk menghasilkan penyelesaian masalah kerja dan inovasi sistem kerja. Mulai 2006, KIK telah diterima sebagai salah satu alat pengurusan yang mudah difahami dan dilaksanakan oleh semua peringkat staf. KIK menumpukan kepada penyelesaian punca-punca untuk menyelesaikan masalah atau mencari peluang-peluang penambahbaikan kepada proses sedia ada atau/dan memperkenalkan proses, produk atau perkhidmatan yang baru dengan memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian perkhidmatan jabatan secara kreatif dan inovatif.

KIK adalah sejajar dengan strategi pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan daya saing mapan ke arah merealisasi iltizam UiTM menjadi sebuah universiti bertaraf dunia menjelang 2020.

Objektif KIK adalah untuk:

- Keupayaan mencipta cara bekerja baru atau menghasilkan inovasi
- Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja
- Semangat bekerja secara berpasukan
- Penyemaian dan penerapan nilai serta etika kerja positif
- Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja
- Dorongan kerja yang tinggi
- Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, UiTM dan negara
- Penggalakan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif
- Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja



# Falsafah KIK

KIK merupakan satu mekanisma yang melibatkan staf dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja dan *standard* yang sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru berasaskan konsep-konsep berikut:

- Konsep pengurusan secara kemanusiaan, iaitu pengurusan yang menekankan aspek modal insan merupakan aset terpenting di dalam sesebuah organisasi, Garis Panduan KIK UiTM 7/205
- Konsep pengurusan secara penyertaan, iaitu setiap staf tidak kira kedudukannya dalam UiTM mampu dan diberi peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada UiTM, dan
- Konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan staf UiTM menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan.

Tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisan serta penghasilan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif menjurus kepada penghasilan berkualiti yang dapat dinikmati dengan ketara dan secara meluas serta memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan UiTM.



# Logo KIK



Logo Rasmi | Kumpulan Inovatif & Kreatif  
Universiti Teknologi MARA

Logo ini mendokong prinsip bahawa KIK adalah salah satu mekanisma pengurusan penting bagi menyemarak *value creation* untuk menjana kegemilangan UiTM.

Dinamika gabungan huruf KIK menyerlahkan watak staf universiti (melalui penggunaan warna rasmi kuning, biru dan ungu) yang menjunjung dan menjulang kegemilangan melalui penghayatan dan amalan 5E, iaitu; efisien, efektif, etika, ekonomik dan *esprit de corps*.

Pelancaran logo oleh Penolong Naib Canselor InQKA mewakili Naib Canselor pada 29 Ogos 2007. Logo dicipta oleh Encik Mohd Ridzuan Atan, Pembantu Penerbitan, PTAR.

# Faedah KIK

## KEPADA UiTM

- Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru
- Menjana kecemerlangan UiTM melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*)
- Memperbaiki sistem, proses dan cara kerja
- Mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan
- Memupuk kerjasama di kalangan warga UiTM
- Meningkatkan daya saing UiTM
- Membolehkan UiTM menghasilkan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan

## KEPADA PERKHIDMATAN AWAM

- Memupuk kerjasama antara agensi melalui penyeragaman inovasi atau penambahbaikan yang dihasilkan
- Menjimatkan kos dan masa keseluruhan operasi perkhidmatan
- Meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan
- Meningkatkan kepuasan pelanggan dan *stakeholders*
- Meningkatkan imej UiTM dan sektor awam

## KEPADA STAF

- Meningkatkan kemampuan menyelesaikan masalah & membuat keputusan
- Memupuk semangat kerjasama dan bekerja dalam satu pasukan
- Membimbing staf UiTM berfikiran kreatif dan inovatif untuk menghasilkan inovasi
- Meningkatkan keupayaan mencipta atau memperkenalkan sistem baru dan penambahbaikan kerja
- Menggalakkan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif
- Memberi kepuasan dalam bekerja
- Mengasah bakat kepimpinan di kalangan staf UiTM



# Kategori Hadiah

Berikut adalah kategori hadiah dan anugerah yang disediakan oleh pihak pengajar:

## Kategori

Johan  
Naib Johan  
Tempat Ketiga

## Hadiah



Piala



Wang  
Tunai



Sijil  
Penarafan



Gambar  
Kumpulan

## Anugerah Khas:

Inovasi Proses  
Inovasi IT  
Inovasi Teknikal  
Inovasi Kaedah Pengajaran & Pembelajaran  
Penjimatan Kos Sebenar Terbaik  
Penjanaan Kos Sebenar Terbaik  
Anugerah KIK Berpotensi  
Fasilitator Terbaik  
Dokumentasi Terbaik  
Persembahan Terbaik



Plak



Sijil  
Penarafan



Gambar  
Kumpulan

Saguhati



Sijil  
Penyertaan



Gambar  
Kumpulan

# Kriteria Penilaian

|   |             |
|---|-------------|
| 1   Pengenalan                                      | 50          |
| 2   Pemilihan dan Definisi Projek                   | 150         |
| 3   Analisis Peluang Penambahbaikan                 | 250         |
| 4   Cadangan Kreatif dan Inovatif serta Pelaksanaan | 200         |
| 5   Pematuhan dan Penyeragaman                      | 100         |
| 6   Pencapaian & Penciptaan Nilai                   | 200         |
| 7   Persembahan                                     | 50          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                           | <b>1000</b> |

Sila scan QR Code  
berikut untuk maklumat  
lanjut berkaitan kriteria  
penilaian.





# Senarai Panel Penilai

**PN. NORLAILA BINTI ABDULLAH @ HAIDE C. TORALLO**

Pensyarah

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang

**TN HAJI AZIZI JANTAN**

Pustakawan Tingkatan Kanan

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR 1) , Universiti Teknologi MARA

**EN. SUHAIHISAM MOHD SAUFI**

Penolong Jurutera Kanan

Pejabat Pengurusan Fasiliti, Universiti Teknologi MARA

**EN. DARUS KASIM**

Pereka Grafik Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat, Universiti Teknologi MARA

# Aturcara Program

Hari Pertama | 29 September 2014

Majlis Pembukaan & Persembahan Projek KIK

|               |                        |   |   |  |
|---------------|------------------------|---|---|--|
| SIDANG PAGI   | <b>08.00 pagi</b>      | Pendaftaran Kumpulan/Pemerhati<br>Minum Pagi  |   |  |
|               | <b>08.30 pagi</b>      | Taklimat<br>Urusetia/Hakim  |   |  |
|               | <b>09.00 pagi</b>      | Persediaan Persembahan Kumpulan<br>Persiapan Pameran  |   |  |
|               | <b>11.00 pagi</b>      | Bacaan Doa<br><b>Ucapan Aluan &amp; Perasmian</b><br><i>Oleh Pengerusi Mini Konvesyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014</i> |   |  |
|               | <b>11.30 pagi</b>      | Pembentangan<br>Projek 1<br>11.30 – 12.00   | Pembentangan<br>Projek 2<br>12.00– 12.30  | Pembentangan<br>Projek 3<br>12.30- 01.00 |
|               | <b>01.00 tengahari</b> | Rehat &<br>Makan Tengahari  |   |  |
| SIDANG PETANG | <b>02.30 petang</b>    | Pembentangan<br>Projek 4<br>02.30 – 03.00   | Pembentangan<br>Projek 5<br>03.00 – 03.30 |  |
|               | <b>03.30 petang</b>    | Pembentangan<br>Projek 6<br>03.30 – 04.00   | Pembentangan<br>projek 7<br>04.00 – 4.30  |  |
|               | <b>04.30 petang</b>    | Acara selingan & Kudapan<br>(Kuiz/ Cabutan Bertuah)   |   |  |
|               | <b>5.00 petang</b>     | Penangguhan Hari Pertama Konvensyen<br>Bersurai   |   |  |

# Aturcara Program

Hari Kedua | 30 September 2014

Sambungan Persembahan Projek KIK

|             |                        |  |  |  |
|-------------|------------------------|--|--|--|
| SIDANG PAGI | <b>08.00 pagi</b>      | Pendaftaran Kumpulan/Pemerhati<br>Minum Pagi |  |  |
|             | <b>08.30 pagi</b>      | Pembentangan<br>Projek 8<br>08.30 – 09.00    | Pembentangan<br>Projek 9<br>09.00 – 09.30  | Pembentangan<br>Projek 10<br>09.30 – 10.00 |
|             | <b>10.00 pagi</b>      | Acara selingan<br>(Kuiz/ Cabutan Bertuah)    |  |  |
|             | <b>10.15 pagi</b>      | Pembentangan<br>Projek 11<br>10.15 – 10.45   | Pembentangan<br>Projek 12<br>10.45 - 11.15 | Pembentangan<br>Projek 13<br>11.15 – 11.45 |
|             | <b>11.45 pagi</b>      | Acara selingan<br>(Kuiz/ Cabutan Bertuah)    |  |  |
|             | <b>12.15 tengahari</b> | Ulasan Ketua Panel<br>12.15 - 01.00          |  |  |
|             | <b>01.00 tengahari</b> | Rehat &<br>Makan Tengahari                   |  |  |
|             | <b>02.30 petang</b>    | Pengiraan Markah                             |  |  |
|             | <b>04.30 petang</b>    | Kudapan (untuk Urusetia dan Petugas sahaja)  |  |  |
|             | <b>SIDANG PETANG</b>   | Persiapan untuk Makan Malam                  |  |  |



# Aturcara Program

Hari Kedua | 30 September 2014

Majlis Penyampaian Hadiah

SIDANG MALAM

07.45  
malam

Ketibaan Peserta

08.00  
malam

Ketibaan VIP & Para Jemputan

08.15  
malam

Asmaul Husna  
Nyanyian Lagu Negaraku & UiTM Di Hatiku

08.30  
malam

Bacaan Doa

08.40  
malam

**Ucapan Aluan**  
*Oleh Pengerusi Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014*

08.50  
malam

**Ucapan Penangguhan Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014**  
*Oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)*

09.00  
malam

Makan Malam (Persembahan Multimedia)

09.30  
malam

Penyampaian Sijil  
Penyampaian Anugerah  
Penyampaian Hadiah Utama  
Penyampaian Cenderahati  
Sesi Bergambar

10.30  
malam

Majlis Tamat & Bersurai

# Aktiviti

## 1. KIK Poster Corner – Pameran Poster Projek KIK

Pameran poster ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada para jemputan tentang projek KIK yang dilaksanakan oleh kumpulan yang bertanding. Pengunjung diberi peluang untuk memilih poster terbaik yang akan menjadi sebahagian daripada kriteria bagi menentukan Anugerah Poster Terbaik. Pameran ini akan dibuka sepanjang program berlangsung di dalam Anjung Sri Budiman (Dewan Annex).

## 2. HappyKIKMoment (with Instagram)

Aktiviti ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas secara *live* menerusi aplikasi Instagram khusus yang disediakan oleh pihak urusetia. Peserta hanya perlu ber'selfie' menggunakan telefon pintar masing –masing dan beri tag/komen tentang program yang berlangsung. Semua 'post' yang dihantar akan dipaparkan pada layar *LCD Screen* secara rawak dan hadiah akan diberikan kepada mereka yang bertuah.

## 3. KIKuiz (Kuiz Individu & Terkumpul)

Bagi memastikan program KIK ini dihayati dengan baik, pihak urusetia menyediakan slot selingan berbentuk kuiz (individu & terkumpul) yang mana soalan-soalan yang diajukan berkisar tentang pembentangan dan pameran projek KIK. Pemenang untuk Kuiz Individu akan diumumkan pada setiap sesi manakala soalan terkumpul hanya akan diumumkan pada Majlis Penutup.

## 4. LucKIK Draw – Cabutan bertuah

Pihak penganjur juga akan membuat sesi *Lucky Draw* kepada mereka yang mendaftar sebagai peserta, pemerhati dan jemputan pada 29 dan 30 September 2014. Pelbagai hadiah menarik berupa gajet IT menanti mereka yang bertuah.

## 5. Intel KIKSide Booth/Showcase

Kepada *IT Fan* yang ingin mengetahui tentang teknologi Intel bolehlah bertandang ke ruang pameran yang disediakan. Pihak Intel akan mengadakan kempen "refresh & trade in" dengan tawaran-tawaran yang menarik.



Aktiviti




KIKuiz



HappyKIKMoment

KIK Poster Corner

Intel KIKSide Showcase



LucKIK Draw



# Senarai Kumpulan

Berikut adalah senarai kumpulan KIK:



## Q-COP

Institut Latihan Universiti (ILU)

Projek: Pengurusan Keselamatan Yang Efektif

## VI WRES

Fakulti Kejuruteraan Awam

Projek: Pembaziran Air Semasa Proses Penyulingan



## NAME

Institut Pendidikan Neo (iNED)

Projek: Memudahkan Pencarian Maklumat Modul P&P

## PROSERVE

Pejabat Teknologi Maklumat

Projek: Kelewatan Pelajar Baharu Menerima Kad pelajar



## P-TECH

Pejabat Teknologi Maklumat

Projek: Mempercepatkan Proses Muatnaik Data Jaya BPKP Ke Pangkalan Data UiTM

## BARA

Pejabat Pendaftar

Projek: Proses Membentang Kertas Kerja/Hasil Karya/Poster Ke Luar Negara Rumit



## AQUA MUTLAQ

Fakulti Kejuruteraan Awam

Projek: Penjimatan Air Semasa Wudhu



Sila scan QR Code berikut untuk maklumat lanjut dan terkini profil kumpulan.

# Senarai Kumpulan

Berikut adalah senarai kumpulan KIK:

**FANTASTIC**  
Pusat Kesihatan UiTM  
Projek: Mencipta 'Crutches' Yang Lebih Mesra Pengguna



**IGS PLATINUM**  
Institut Pengajian Siswazah  
Projek: Mengurangkan Masa Penyediaan Laporan Analisa Maklumbalas Pelanggan



**iKE**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Projek: Inovasi Pendekatan Dwirekod Dalam Program HEP



**IMPAK**  
Institut Latihan Universiti (ILU)  
Projek: Mempercepatkan Pengeluaran Sebutharga ILU Kepada Pelanggan

**KEYLITE**  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Projek: Maklumat Pengunjung Perpustakaan Terhad



**ASD Team**  
Pejabat Pengurusan Fasilitas  
Projek: Membina Penomboran Ruang Yang Unik

Nota: Giliran persembahan adalah mengikut cabutan pada hari yang berkenaan



# Pemenang

Konvensyen KIK Zon Tengah 2014

## Hadiah Utama

Johan

Naib Johan

Tempat Ketiga

## Anugerah Khas:

Inovasi Proses

Inovasi ICT

Inovasi Teknikal

Inovasi Kaedah  
Pengajaran & Pembelajaran

Penjimatan Kos Sebenar  
Terbaik

Kumpulan Baru Berpotensi  
Terbaik

Fasilitator Terbaik

Dokumentasi Terbaik


Persembahan Kumpulan  
Terbaik

Poster Terbaik

# Medium Hebahan

## Laman Web Rasmi

Konvensyen KIK 2014 Peringkat Zon Tengah



<http://kiktengah.uitm.edu.my>

## SISTEM Pengurusan KIK UITM

<http://portalkik.uitm.edu.my>



## Twitter

ikuti kami di @HavocKIK14

<http://twitter.com/havockik14>

# Jawatankuasa Pelaksana

|   |   |
|---|---|
| Pengerusi   | Prof Madya Mohd Zaki Abdullah               |
| Penyelaras Program  | En. Zamani Umar Husin                       |
| Timbalan Penyelaras Program                                   | En. Muhammad Haffizae Ghazali               |
| Setiausaha  | En Muhd Zahimi Din Janai @ Janan            |
|   | Pn Rosmawati Tukiran                        |
| Bendahari   | Pn Norsafarina Yusoff                       |
| Jemputan, Sambutan & Liaison Officers                         | Pn Sharina Mohd Nasir                       |
|   | Pn Suhana Kasim                             |
|   | Pn Nur Zuraiha Harris Abidin Zainal A.bidin |
| Cenderahati, Hadiah & Kuiz                                    | Pn Samsuriwati Sohaini                      |
|   | Pn Noraishah Kamardin                       |
| Pendaftaran, Sijil(Peserta/AJK), Momento, Pengurusan Peserta: | Cik Masrul Farihan Mohamad                  |
|   | Pn Noor Azlinda Abdul Rashid                |
|   | En Mazuhan Mohd Noor                        |
|   | Pn Fauzilah Idris                           |
|   | Cik Syarifah Nurul Afzan Syed Mohamed       |
| Protokol dan Sambutan   | Pn Arfah Jamian                             |
| Siaraya/ Pengacara Majlis                                     | Pn Maznifah Mohd Sahalan                    |
| Peralatan dan Logistik  | En Abdul Rahman Fuad Arifin                 |
| Teknikal AV & Jurukamera                                      | En Rahim Utah                               |
|   | En Mohd Shahar Sudar                        |
| Keselamatan   | En Noor Adzman Hj Mohamed                   |
|   | En Mohd Syazwan Wan Adnan                   |
| Keraian & Jamuan  | Hajah Rohayu Haji Zakaria                   |
|   | Pn Rafidah Jamel                            |
| Laman Web & Multimedia  | Pn Elyani Muhamat Khazali                   |
|   | En Zainal Bashiruddin                       |
|   | En Mior Mohd Aizat Bin Zakariah             |
|   | En Shamsul Nazrin Mohd Yusof                |
|   | En Zaidulkhair B Hair Zaki                  |
| Pameran   | Cik Emilia Abdul Hadi                       |
|   | Pn Norbaiduri Huzaifah Harun                |
|   | Pn Azniza Md Aziz                           |
|   | Pn Norelissuryani Mokhtar                   |
| Penerbitan  | En Gazairi Ghazali                          |
|   | Cik Dayana Faziha Alias                     |
|   | Pn Noor Sazila Md Sarip                     |
|   | Pn Noorasikin Mustapa                       |
|   | En Azhar Ahmad                              |
| Pertandingan & Penghakiman                                    | Dr Famiza Abdul Latif                       |
|   | Pn Siti Nor Juhirniza binti Mior Mohd Tahir |

# Penghargaan

Pejabat Teknologi Maklumat mewakili Universiti Teknologi MARA mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014 di atas sumbangan, masa, perkongsian teknologi dan lain-lain terutamanya kepada:

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, FASc  
Naib Canselor UiTM

Prof. Ir Dr Hj Abdul Rahman Omar  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UiTM

Prof. Dr Hj Hazman Shah Vijayan Abdullah  
Penolong Naib Canselor (InQKA)

Prof. Sr Ir Dr Suhaimi Abdul Talib  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Fasiliti & ICT)

Penolong –Penolong Naib Canselor (Kampus)

Dekan-Dekan Fakulti

Pejabat Pendaftar

Pejabat Bendahari UiTM

Bahagian Pengurusan Fasiliti

Para Penaja

Para Peserta

Dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Mini Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2014.



# Nota



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**info@leh**  
Information Technology Office

dengan sokongan:



**SOLSIS**